

**17 April 2009 (Jumaat)**

## **Kompleks Islam Sarawak siap 2011**

Oleh SOPI SAMAILE [utusansarawak@utusan.com.my](mailto:utusansarawak@utusan.com.my)



DAUD Abdul Rahman (tiga dari kiri) diberi penerangan oleh Putit Matzen (dua dari kanan) mengenai projek Kompleks Islam Sarawak di Kuching, semalam. – UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

KUCHING 17 April - Kompleks Islam Sarawak yang akan dibina dengan kos RM90 juta di Jalan Haji Mohamad Kassim di sini, dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2011. Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam), Datuk Daud Abdul Rahman berkata, kompleks setinggi 17 tingkat itu akan dibina di atas tapak seluas 0.83 hektar milik Dewan Majlis Islam dan pembinaan bermula hari ini. Menurutnya, bangunan itu merangkumi 13 tingkat ruang pejabat, dewan serbaguna dengan kapasiti 2,000 orang, empat podium pusat beli belah, perbankan Islam, pusat sumber, restoran, taman letak kereta, sudut pertemuan kanak-kanak. "Kompleks Islam Sarawak ini dapat memberi peluang dan ruang kepada masyarakat Islam untuk melibatkan diri dalam pelbagai bidang bagi meningkatkan sosioekonomi selari dengan pembangunan ummah setempat. "Dengan tersergamnya kompleks tersebut, harapan kita agar masyarakat Islam dan umum dapat memanfaatkan kemudahan yang disediakan dengan sumber kewangan 100 peratus wang masyarakat Islam di negeri ini menerusi Tabung Baitulmal Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis Serah Tapak Kompleks Islam Sarawak kepada kontraktor di Tapak Dewan Majlis Islam Sarawak di sini hari ini. Turut hadir, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak, Datuk Putit Matzen dan Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Datuk Misnu Taha. Daud berkata, meskipun ekonomi dunia dilanda krisis ketika ini, pembinaan kompleks tersebut dianggap tepat pada masanya memandangkan kos pembinaan adalah 30 peratus lebih rendah berbanding keadaan ekonomi pada hari biasa. Tambahnya, apabila bangunan itu siap pada tahun 2011, pihaknya menjangkakan keadaan ekonomi akan mulai pulih dan projek tersebut diyakini mendapat sambutan daripada para penyewa. "Kita optimis kerana terdapat penyewa yang menunjukkan minat untuk menyewa ruang pejabat tetapi kalau ia siap sekarang mungkin timbul masalah mendapatkan penyewa. "Selain Kompleks Islam Sarawak, kita juga bercadang untuk membina beberapa bangunan di Sarawak sebagai mercu tanda Islam, bagaimanapun ia akan diumumkan kemudian," ujarnya.

**18 April 2009 (Sabtu)**

**Rencana - Sungai Sedim - lambat bertindak, tempat makin hancur**



Antara aktiviti yang boleh dilakukan di Sungai Sedim, kawasan rekreasi baru di Kedah.

TAK sangka Bidai selepas mengeluarkan laporan Ban Prakop mengenai keadaan Sungai Sedim, e-mel Bidai bertalu-talu menerima komen daripada orang ramai. Yang menariknya, daripada semua e-mel yang diterima tu, tak ada satu pun e-mel diterima daripada pengurusan aktiviti Sungai Sedim, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, termasuklah kerajaan negeri Kedah yang mahu membela atau manafikan keadaan yang dikatakan hampir musnah di Sungai Sedim. Atau mungkin mereka kini sedang merangka hujah dan tulisan balasan kepada Bidai dan juga Ban Prakop. Seperti selalu, jika timbul isu, jawapan yang akan diterima daripada jabatan yang sepatutnya mungkin agak lambat dan mengikut pengalaman, ia memakan masa antara tiga hingga empat minggu.

Bidai tidak mahu menyalahkan mereka kerana jabatan kerajaan berkenaan terpaksa melalui pelbagai saluran untuk memberi jawapan. Yang Bidai tahu, mereka pertamanya akan menghantar laporan itu kepada seksyen yang sesuai, siasatan akan dijalankan, memberi penerangan kepada mana-mana ketua pengarah yang bertanggung jawab, seterusnya bahagian perhubungan awam akan mengeluarkan kenyataan akhbar. Itulah yang mereka akan lakukan namun Bidai amat khuatir jika birokrasi mereka ini bakal membawa kemusnahan di Sungai Sedim yang juga kini dikatakan sedang menghadapi pembangunan tidak seimbang. Apa pun, Bidai amat berharap agensi kerajaan terbabit supaya cepat mengambil tindakan dan tidak hanya berkobar-kobar menyatakan prinsip mereka melalui siaran akhbar sahaja.

Bacalah luahan hati Haji Selaseh yang menghantar e-mel kepada Bidai.

Fikirkanlah...

HARI ini (Sabtu lepas) saya telah membaca artikel saudara mengenai mentaliti dunia ketiga yang menjadi amalan segelintir rakyat negara ini dan saya amat setuju bahkan ingin menambah satu lagi sebutan dahulu kala iaitu 'BONGOK' kepada mereka. Apa yang diperkatakan oleh saudara Ban Prakop adalah benar belaka. Untuk menambahkan lagi kesahihan ini, saya ingin menceritakan daripada pengamatan dan pengalaman saya sekeluarga bila berada di kawasan Sungai Sedim buat kali pertama seumur hidup kami, tahun lepas.

Pada waktu itu, kawasan sekitar bermula dari sebelum jalan masuk ke tempat ini sedang dijalankan aktiviti projek kerja menaik taraf jalan serta beberapa kemudahan baru untuk keselesaan para pengunjung. Namun begitu aktiviti kerja berkenaan tidak dijalankan dengan baik dan tidak mengikut standard prosedur amalan kerja yang betul. Terdapat bahagian-bahagian yang mana longgokan tanah, pasir dan batu kerikil diletakkan berhampiran dengan tebing-tebing sungai. Ini tidak secara langsung menyebabkan pencemaran kepada sungai kerana bahan-bahan meresap dan memasuki sungai tersebut.

Berbalik kepada masalah mentaliti dunia ketiga ini pula, terdapat segelintir pengunjung yang datang ke sini mengamalkan kelakuan dan sikap yang tidak bertanggungjawab kepada alam dan kemudahan-kemudahan. Sewaktu mandi, mereka dilihat membuat aktiviti membasuh rambut beramai ramai dengan menggunakan syampu sehingga habis berbuuh Sungai Sedim. Bukan satu atau dua orang tetapi ramai dan tergolong daripada pelbagai peringkat umur. Bila bab makan minum pula, ada di kalangan mereka membawa bungkusan dan bekas makanan di atas batu tepi sungai dan di dalam sungai. Habis makan boleh buang dan basuh terus ke dalam sungai!

Apa punya perangai! Kami yang sedang mandi pun boleh terbantut dibuatnya.

Segala kulit kacang, jajan dan sisa makanan terapung mengalir ke hilir. Ada juga kelakuan yang melibatkan aktiviti membasuh baju dan seluar selepas mandi, sekali lagi sungai ini jadi mangsanya. Yang kaki merokok jangan cakaplah, lepas hisap, puntung dibuang merata-rata. Kalaular masa tu musim kemarau, muh terbakar dibuatnya kawasan tu. Ini lagi bahaya dan benda macam ni pun tidak boleh fikir secara waras dan logik.

Bab kemudahan awam pula lagi teruk lebih-lebih lagi tandas dan bilik persalinan. Memang dah jadi taraf kelas dunia ketiga. Apa tidaknya, segala sisa pasir dan sisa bahan buangan tidak diberi perhatian dengan sewajarnya. Sepatutnya disediakan tempat pancuran khas dan bekas khas untuk membuang dahulu pasir yang dibawa bersama selepas mandi sungai. Selepas bersih baru masuk dan guna kemudahan-kemudahan ini. Standard seperti ini tidak dididik sejak kecil lagi, jadi semuanya main hentam saja. Sudah terbiasa dan sudah jadi amalan semua sejak dahulu lagi. Persepsi mereka ini mudah, "Kalau orang lain buat boleh, kenapa aku pula tidak boleh?"

Jadi kepada semua janganlah memandang remeh hal-hal seperti ini. Ia boleh diperbetulkan dan dijadikan panduan yang berguna. Ingatlah bahwasanya alam ini bukan kita yang punya ia dicipta khas oleh Allah untuk kita semua menghargainya dan menikmatinya selagi hayat kita dikandung badan.

Allah juga kurniakan kita akal dan fikiran yang waras agar kita semua dapat menilai dan berfikir kehadapan demi kepentingan sejagat. Usah ditangisi atau menyesal di kemudian hari jika nikmat alam yang indah ini hilang atau musnah akibat daripada kesalahan dan kebodohan diri kita sendiri.

**18 April 2009 (Sabtu)**

**RM11.3b bangun jalur lebar**

Oleh SITI MAISARAH SHEIKH ABD. RAHIM



SHAZIMAN Abu Mansor menyerahkan nota serah tugas Kementerian Tenaga,Teknologi Hijau dan Air (Sektor Komunikasi) kepada Dr. Rais Yatim di Putrajaya, kelmarin.

PUTRAJAYA 18 April - Kerajaan yakin sektor komunikasi yang kini diletakkan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan mampu menyediakan perkhidmatan termaju ke arah meningkatkan kualiti kehidupan rakyat di negara ini. Bekas Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, pelbagai projek serta Pelan Pembangunan Perkhidmatan Komunikasi, Maklumat dan Multimedia yang telah dirangka sebelum ini dilihat mampu diteruskan oleh kementerian baru itu. Katanya, cabaran utama bagi kementerian itu ialah mencapai sasaran 50 peratus kadar penembusan perkhidmatan jalur lebar ke setiap isi rumah menjelang akhir tahun depan. "Sasaran ini perlu dianggap sebagai satu cabaran memandangkan hanya 21 peratus kadar penembusan perkhidmatan itu dicapai pada tahun ini. "Namun kerajaan bersama agensi swasta telah membuat pelaburan sebanyak RM11.3 bilion bagi pembangunan Jalur Lebar Berkelaian Tinggi (HSBB) bagi tempoh 10 tahun," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sebelum menyerahkan nota serah tugas sektor komunikasi kepada Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim di sini semalam. Shaziman yang kini menjadi Menteri Kerja Raya berkata, walaupun kadar pertumbuhan industri komunikasi dan multimedia dijangka menurun berikutan kemelesetan ekonomi dunia, ia tetap menjadi pemangkin terhadap daya saing negara. "Bagi tujuan itu, rangka kerja perundangan komprehensif perlu digubal dan peluang digital yang merangkumi perkhidmatan, rangkaian, aplikasi dan kandungan perlu diterokai," katanya.

**19 April 2009 (Ahad)**

**Proses tender projek rangsangan dipercepat**

MIRI 19 April - Sarawak tidak akan mengecualikan sistem tender dalam melaksanakan projek di bawah pakej rangsangan ekonomi kedua tetapi akan mempercepatkan proses tender bagi

menyegerakan penyiapan projek, kata Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. George Chan semalam. Beliau berkata, projek rangsangan masih terus diberikan menerusi sistem tender tetapi prosedur pemberiannya akan dipercepatkan bagi menyegerakan pelaksanaan. "Ia bukan seperti dalam keadaan biasa apabila masa yang panjang diambil untuk sesuatu tender itu dikeluarkan. Mempercepatkannya tidak bermakna tidak ada tender," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan tambahan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Chung Hua Lutong.

Dr. Chan menjelaskan laporan akhbar sebelum ini yang memetik beliau sebagai berkata, kerajaan negeri mengecualikan sistem tender dalam beberapa projek rangsangan bagi menyegerakan kerja-kerja menyiapkannya. Beliau memberi jaminan bahawa sungguhpun prosedur untuk melaksanakan projek rangsangan akan disegerakan, proses itu akan tetap dijalankan dengan telus. - BERNAMA

## **19 April 2009 (Ahad)**

### **Perda belanja RM13.3 juta**

Oleh HASNURUL MOHAMED [utusanpenang@utusan.com.my](mailto:utusanpenang@utusan.com.my)

KEPALA BATAS 19 April - Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (Perda) membelanjakan sebanyak RM13.3 juta melaksanakan pelbagai program membantu golongan miskin dan miskin tegar di negeri ini. Peruntukan tersebut turut digunakan bagi mengadakan pelbagai program berkaitan termasuk kecemerlangan pendidikan, kelas khas tambahan dan seminar peningkatan akademik untuk golongan pelajar serta bantuan kelengkapan sekolah bagi anak-anak keluarga miskin. Pengurusnya, Datuk Azhar Ibrahim berkata, walaupun tiada jaminan kemiskinan akan dihapuskan dalam keadaan ekonomi hari ini, rakyat Pulau Pinang harus diberitahu bahawa bantuan yang dihulurkan oleh Kerajaan Pusat tetap diteruskan. "Kita tahu dalam kegawatan ekonomi yang melanda dunia, ramai pekerja kilang diberhentikan dan lambat laun mereka ini akan termasuk dalam golongan miskin jika bantuan tidak diberikan," katanya.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penaga berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyerahan Bantuan Ekonomi Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dan Bantuan Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS) di sini hari ini. Seramai 46 orang menerima bantuan berupa barang-barang makanan dan keperluan dapur. Azhar berkata, golongan miskin di negeri ini adalah mereka yang berpendapatan kurang RM720 sebulan dan miskin tegar pula adalah RM430 sebulan ke bawah. "Ini bermakna orang-orang miskin di Pulau Pinang tidak pernah habis dan dikenal pasti terdapat 494 keluarga miskin tegar dan 1,500 keluarga miskin di negeri ini," katanya. Azhar memberitahu, ketika BN memerintah negeri ini, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM500,000 untuk membantu rakyat Pulau Pinang yang miskin bagi membaiki rumah yang rosak.

**20 April 2009 (Isnin)**

## **RM200j naik taraf Kolej RISDA**

ALOR GAJAH 20 April - Sebanyak RM200 juta diperuntukkan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) bagi menaik taraf Kolej RISDA di sini kepada kolej universiti. Pengerusinya, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik berkata, beberapa fasa pembangunan akan dimulakan dalam tahun ini melibatkan penambahan bangunan baru di kampus Kolej RISDA itu. Menurutnya, pada masa ini, pihaknya hanya menggunakan kira-kira 12 hektar daripada jumlah keseluruhan lebih 120 hektar kampus kolej sedia ada. "Kawasan selebihnya akan dibangunkan dengan peruntukan sebanyak RM50 juta bagi membina bangunan baru yang mempunyai lebih banyak dewan kuliah, fakulti dan asrama yang mampu menampung 2,000 pelajar selain masjid baru yang akan dibina dalam kawasan kolej," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Pemantapan Usahawan Tani dan melancarkan Program Diploma Pengurusan Landskap sempena sambutan Hari Terbuka Kolej RISDA di sini baru-baru ini. Beliau berkata, pihaknya sedang menyiapkan pelan projek dan modul pembinaan infrastruktur baru kolej terbabit sebelum membuka tawaran tender. Ujarnya, permohonan naik taraf Kolej RISDA telah dikemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi sebelum ini dan pihaknya masih menunggu maklum balas daripada kementerian terbabit.

"Kini, terpulang kepada kementerian itu untuk menimbang permohonan RISDA berhubung perkara ini namun apa yang pasti, kita akan melakukan segala persiapan terutama dalam melengkapkan kemudahan infrastruktur kolej. "Setelah semuanya selesai, terpulang kepada kementerian berkenaan untuk menimbangkannya, namun saya akan berbincang dengan menteri yang berkenaan bagi memohon pertimbangan sewajarnya tentang hasrat RISDA ini," katanya.

Beliau berkata, dianggarkan lebih 5,000 pelajar bakal mengikuti pengajian di kolej tersebut setelah kolej berkenaan dinaik taraf berbanding bilangan 1,900 pelajarnya kini. Usaha menaik taraf kolej berkenaan, kata Abdul Rahim, bertujuan meningkatkan kemampuan agar setanding dengan kolej kemahiran lain terutama dalam melahirkan pelajar berkualiti.

**20 April 2009 (Isnin)**

## **Pakej rangsangan ekonomi ke-2**

Oleh ZULHISHAM ISHAK [utusansabah@utusan.com.my](mailto:utusansabah@utusan.com.my)

KOTA KINABALU 20 April - Dewan Undangan Negeri di sini hari ini dimaklumkan Sabah menerima RM368 juta melalui pakej rangsangan ekonomi kedua yang disalurkan khas melalui

Kementerian Kewangan Sabah. Pembantu Menteri Kewangan negeri, Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan berkata, peruntukan tersebut akan dibelanja untuk menaik taraf dan membina kemudahan asas serta awam di negeri ini. "Peruntukan itu digunakan untuk membina dan menaik taraf jalan raya, membaik pulih dan menggantikan jambatan utama, membina bangunan rumah sakit di Kem Lok Kawi, dekat sini dan sebuah klinik kesihatan di Raja Kem Sri Kinabatangan, Sandakan. "Dana tersebut juga digunakan untuk membina Pusat Giat Mara dan Balai Polis Wallace Bay, di Tawau, selain memberi bantuan tanaman getah dan keperluan di Hospital Queen Elizabeth di sini," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan lisan **Datuk Ariffin Mohd. Arif (BN-Membakut)** yang menanyakan jumlah yang diterima kerajaan Sabah setelah pakej itu diumumkan Kementerian Kewangan Pusat, baru-baru ini.

Tawfiq berkata, anggaran perbelanjaan permulaan untuk tujuan berkenaan termasuk membangunkan sektor pertanian ialah sekitar RM150 juta. Beliau berkata, selain peruntukan itu, Sabah juga akan menerima peruntukan khas daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1 bilion untuk tujuan pembangunan secara menyeluruh. Jumlah tersebut, katanya, adalah untuk tempoh dua tahun meliputi program pembasmian kemiskinan, penyediaan bekalan air dan elektrik dan peningkatan penjagaan kesihatan. "Ini juga termasuk menambah baik taraf hidup kumpulan terpinggir, memperkuuh modal insan dan mempertingkat keselamatan awam," katanya.

Sementara itu, beliau memberitahu, melalui pakej rangsangan ekonomi pertama, Sabah menerima peruntukan sebanyak RM498 juta. "Dengan peruntukan melalui pakej-pakej rangsangan ini, diharap Sabah bukan sahaja dapat berdepan dengan krisis kewangan global tetapi juga terus meningkatkan pembangunan di Sabah," katanya.

## 21 April 2009 (Selasa)

### Syabas tangguh projek

Oleh saiful haizan hasam saiful.hasam@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 21 April – Kira-kira 7.4 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya berdepan risiko gangguan bekalan air berikutan penangguhan projek baik pulih dan naik taraf bekalan di tiga kawasan padat penduduk itu. Penangguhan projek bernilai RM2.6 bilion itu terpaksa dilakukan oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) atas arahan kerajaan bagi memberi laluan kepada penyusunan semula pengurusan air. Pengurus Eksekutif Syabas, Tan Sri Rozali Ismail berkata, penangguhan itu pasti memberi kesan langsung kepada pengguna memandangkan pelbagai aktiviti peningkatan kualiti perkhidmatan turut tergендala terutamanya kerja-kerja penting seperti penggantian paip. Bagaimanapun, kata beliau,

pihaknya akan terus melaksanakan usaha-usaha yang tidak tertakluk kepada arahan pembekuan bagi mengurangkan kesulitan yang mungkin dihadapi oleh pengguna.

“Saya ingin memaklumkan kepada semua pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya bahawa program penggantian paip lama dan paip komunikasi yang telah diiklankan menerusi akhbar tempatan pada 29 dan 30 Jun 2006 terpaksa diberhentikan. “Pihak Syabas mendapat arahan daripada kerajaan supaya menangguhkan pelaksanaan kerja-kerja tersebut termasuk kerja baik pulih lain yang telah dirancang di bawah program ketiga yang sepatutnya bermula pada 1 Januari 2009,” katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Semalam, kerajaan negeri Selangor menyatakan hasrat untuk mengadakan perbincangan dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berhubung pengambilalihan pengurusan air pada minggu ini. Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berharap perbincangan itu dapat mencari penyelesaian segera mengenai isu tersebut yang melibatkan kerajaan negeri, kementerian dan syarikat-syarikat konsesi. Sabtu lalu, Datuk Peter Chin Fa Kui dalam satu kenyataan menyebut kementeriannya akan menyeferakan rundingan tersebut dengan kerajaan negeri bagi mencari tindakan drastik pengambilalihan bekalan air di tiga kawasan itu.

Dalam pada itu, Rozali berkata, Syabas telah menyediakan senarai terperinci projek yang dibekukan itu bagi memberikan maklumat terkini kepada pengguna yang selama ini ternanti-nanti bila janji tersebut akan dipenuhi. Jelas beliau, senarai penuh itu akan diiklankan di akhbar-akhbar tempatan dan dipamerkan melalui poster di pejabat-pejabat wilayah serta risalah yang diterbitkan Syabas.

“Bagi pihak Syabas, saya ingin memohon maaf kepada para pengguna kerana tidak dapat memenuhi janji dan komitmen yang telah saya berikan dengan melaksanakan projek-projek untuk kepentingan pengguna pada masa ini berikutan arahan penangguhan tersebut. “Tempoh penangguhan ini tidak dapat dipastikan lagi kerana ia bergantung arahan lanjut daripada pihak kerajaan. Oleh itu, diharapkan para pengguna dapat bersabar sementara perkara tersebut dapat diatasi,” jelasnya.

Rozali turut menasihatkan pengguna supaya berhubung dengan Pusat Perkhidmatan Pelanggan Syabas (Puspel) untuk sebarang masalah dan kesulitan berkaitan isu air yang dihadapi. Pengguna boleh menghubungi Puspel di talian bebas tol 1-800-88-5252

## **21 April 2009 (Selasa)**

### **Hanya bangku kosong**

Oleh Roslah Othman [kota@utusan.com.my](mailto:kota@utusan.com.my)



MUNGKINKAH reka bentuk Medan Selera Damai yang lain dari yang lain dan ketiadaan papan tanda menjadi punca orang ramai tidak sedar bahawa ia adalah sebuah medan selera?

KUALA LUMPUR 21 April - Nasib para peniaga di Medan Selera Damai berhampiran Jalan Pekeling di sini yang mendakwa ruang niaga mereka sepi dan kurang sambutan bukanlah perkara baru. Sebaliknya, isu itu pernah 'mencuit' Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hanya kira-kira enam bulan selepas pembukaannya pada penghujung 2006. Para peniaga mendakwa, kurangnya usaha-usaha DBKL mempromosikan medan selera berkenaan khususnya kepada warga kota adalah antara penyebab utama kepada permasalahan tersebut. Hari ini, masalah hampir sama berulang selepas hampir dua tahun medan selera itu dibuka.

Buktinya, masih lagi kedengaran rintihan para peniaga di sini yang mendakwa tiada sebarang perubahan yang dilihat selepas aduan dibuat. Sebaliknya, hari demi hari menyaksikan lebih banyak ruang niaga ditutup memandangkan peniaga tidak lagi sanggup menanggung kerugian. Daripada 61 orang peniaga kesemuanya, kini hanya tinggal kira-kira 14 peniaga yang masih mempertahankan periuk nasi mereka di situ. Difahamkan, selepas aduan dibuat lama dahulu, ada ura-ura pihak DBKL merancang untuk mempromosi medan selera itu kepada orang ramai tetapi sehingga kini ia masih tidak terlaksana.

Para peniaga yang ditemui mendakwa sejak berpindah dari Kampung Baru, bukan keuntungan yang diraih sebaliknya terpaksa pula menanggung kerugian. Jika dahulu ketika bermiaga di kawasan Kampung Baru, pendapatan tiga kali ganda boleh diperoleh tetapi di Medan Selera Damai adakah hampir seminggu mereka tidak dikunjungi pelanggan. Lebih malang, individu yang dilantik mewakili para peniaga di situ juga telah menghilangkan diri. Enggan terus menanggung derita, sekali lagi pintu pihak berkuasa berkenaan terpaksa 'diketuk' agar melakukan sesuatu demi memastikan nasib mereka terbaik.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Medan Selera Damai baru-baru ini mendapati keadaan di situ sepi dan hanya beberapa pelanggan dilihat sedang menikmati hidangan di premis bahagian utara. Di premis bahagian tengah hanya dipenuhi bangku-bangku kosong. Dari mata kasar, medan selera tersebut mempunyai tarikan tersendiri jika mahu dibandingkan dengan medan selera lain yang ada di ibu negara tetapi sambutan yang diterima begitu menyedihkan. Difahamkan, kos pembinaannya sahaja menelan belanja kira-kira RM14 juta. Selain terletak di lokasi strategik iaitu di tebing tempat pertemuan dua sungai iaitu Sungai Klang dan Gombak, struktur rekaan bangunannya juga sudah cukup membayangkan betapa hebat dan gahnya medan selera itu.

Selain kemudahan seperti lampu jambatan yang menghubungkan ke Jalan Datuk Haji Eusoff tidak berfungsi dengan baik, papan tanda yang terlalu kecil dan bumbung bocor adalah antara masalah yang dihadapi. Apa yang mengecewakan para peniaga, sejak membuka perniagaan di

situ, tidak seorang pun wakil DBKL datang dan bertanya khabar. Difahamkan, pejabat kecil yang sepatutnya menempatkan wakil DBKL juga telah dijadikan tempat rehat dan penyimpanan barang-barang Alam Flora.

Apakah kemungkinan Medan Selera Damai ini akan mengalami nasib sama dan dianaktirikan seperti Hentian Pekeliling di kawasan berhampiran yang pernah dipaparkan *Utusan Malaysia* sebelum ini? hanya pihak DBKL yang dapat menjawabnya. Bukan mahu menuding jari kepada mana-mana pihak, namun DBKL dilihat antara pihak yang bertanggungjawab memastikan perkara itu tidak dibiarkan berterusan. Malah, harapan turut disandarkan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad Ismail, serta Menteri Wilayah Persekutuan yang baru, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin agar dapat membela nasib golongan penjaja dan peniaga di situ. Secara jujur para peniaga di sini mengakui permintaan mereka agar DBKL 'turun padang' bukan bertujuan mahu mencari kesalahan, sebaliknya mahu mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang membelenggu mereka selama ini.

## 21 April 2009 (Selasa)

### Perintis ladang kontrak

Oleh ABDUL MUIN SAPIDIN [muin.sapidin@utusan.com.my](mailto:muin.sapidin@utusan.com.my)



bersama pegawaiannya melawat ladang di Taman Kekal Pengeluaran Pertanian Makanan (TKPM) Ara Kuda, Tasek Gelugor, Pulau Pinang, baru-baru ini. MOHD. Mokhtar Ismail (dua kanan)

TASEK GELUGOR 21 April - Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda, di sini muncul sebagai perintis program ladang kontrak yang bakal menyaksikan kapasiti pengeluaran hasil taninya mencecah 18,000 tan sebulan. Program hasil kerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) itu bakal melonjakkan potensi taman itu sebagai antara penyumbang hasil tani terutamanya di utara Semenanjung. Perkembangan itu dilihat sebagai pencetus revolusi baru dalam sektor pertanian di Pulau Pinang walaupun Pulau Mutiara dikenali antara negeri yang mempunyai keluasan tanah pertanian yang cukup terhad. Ia adalah sejajar dengan tumpuan kerajaan kepada aktiviti-aktiviti yang boleh membantu menjadikan sektor pertanian sebagai antara pemacu utama pembangunan ekonomi negara.

Malah, sejak mula beroperasi pada tahun 2006, TKPM Ara Kuda berjaya menyediakan asas kukuh dalam melahirkan generasi petani muda yang mempunyai kesungguhan tinggi dengan menjadikan pertanian sebagai pekerjaan. Justeru, program ladang kontrak yang bakal dilaksanakan di taman itu menjadi pemangkin kepada usaha meningkatkan pendapatan petani melalui pengeluaran hasil tani secara berkala dan bersistematik.

Pengarah Pertanian negeri, Abdul Nasir Hassan berkata, melalui program itu, sembilan peserta TKPM Ara Kuda akan mengeluarkan sekurang-kurangnya 600 kilogram hasil tani sayur-sayuran setiap hari. "Ini adalah sebahagian daripada strategi FAMA untuk melebarkan peluang pasaran petani bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi di seluruh negara.

"Dengan cara ini, peserta bukan sahaja mendapat jaminan pasaran tetapi pada masa sama mengukuhkan hubungan dengan entiti pasaran mereka," katanya pada majlis lawatan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Mokhtar Ismail ke TKPM Ara Kuda baru-baru ini. Turut sama dalam lawatan itu, Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Roseley Khalid.

Abdul Nasir berkata, buat permulaan, hanya sembilan peserta dipilih untuk menyertai program tersebut dan jumlah itu akan ditambah jika permintaan pasaran meningkat pada masa depan. Program ladang kontrak itu menumpukan kepada tiga tanaman iaitu kangkung, sawi serta bayam dan para peserta bertanggungjawab untuk menghasilkan jumlah hasil tani yang dipersetujui dalam perjanjian itu. "Dengan kapasiti (pengeluaran) yang tinggi ini, keluasan tanah di TKPM akan dimanfaatkan sepenuhnya dan kita harap variasi tanaman dapat ditingkatkan pada masa depan," jelasnya.

Sementara itu, Pengurus TKPM Ara Kuda, Zamri Ahmad berkata, para peserta yang menyertai program itu memikul tanggungjawab besar bagi memastikan mereka mematuhi peraturan kontrak. "Jadi, mereka perlu sentiasa bekerja keras bukan sahaja untuk pastikan mereka berjaya menghasilkan kuantiti yang ditetapkan, tetapi hasilnya juga mestilah berkualiti," katanya.